

25/06/1997

Membina jambatan ilmu Malaysia-China

Ibrahim Saad

DALAM perbincangan tertutup dengan Najib sebelum menandatangani memorandum persefahaman kerjasama pendidikan (MPKP) pada 20 Jun, Menteri Suruhanjaya Pendidikan China, Zhu Kaixuan menyampaikan penghargaan kerajaannya kepada Malaysia berikutan beberapa kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang konstruktif berhubung penyerahan Hong Kong kepada China pada 1 Julai ini.

Menjawab kenyataan itu, Najib berkata Malaysia mengucapkan tahniah di atas penyerahan semula Hong Kong kepada China dan menganggap ia bukan saja penting kepada rakyat negara itu tetapi sebagai lembaran sejarah menebus maruah negara dan rakyat di Asia Tenggara dan Timur Jauh.

Delegasi Malaysia bukan saja disambut kerana jalinan hubungan diplomatik tetapi berasaskan semangat setiakawan yang akrab sejak beberapa kurun lalu. Perdana Menteri China, Li Peng, sewaktu menerima kunjungan kehormat Najib di pejabatnya berkata kedua-dua negara mempunyai persamaan pendapat dalam arena antarabangsa dan sering menyokong antara satu sama lain mengenai sesuatu isu. Oleh itu, hubungan dua hala di antara Malaysia dan China berada pada tahap yang amat baik. Beliau menegaskan kerjasama pendidikan yang dijalin secara formal melalui MPKP itu amat mustahak kepada kedua-dua negara.

Berucap merasmikan penubuhan Pusat Bahasa Melayu (PBM) di Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU), Najib menjelaskan pandangan kerajaan Malaysia bahawa China bukan ancaman kepada Asia Tenggara sebagaimana ditohmah oleh pihak tertentu. Dalam menuju alaf mendatang, bagi Malaysia, China adalah rakan dalam Asia kerana dengan 1.2 bilion penduduknya dan besar saiz negaranya, China akan terus mempamerkan usaha bersama mencapai matlamat kedamaian, keharmonian dan kestabilan Asia. China bukan saja menjadi rakan politik dan diplomatik bahkan rakan ekonomi dan dagang dalam pacuan kemajuan ekonomi Asia dan sejagat.

Bagi Malaysia, MPKP yang ditandatangani itu membawa dua dimensi baru dalam hubungan di antara kedua-dua negara sejak dijalin hubungan diplomatik mulai 1974 apabila Perdana Menteri ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein melawat China. Pertama, dari segi menjayakan hasrat negara muncul sebagai pusat kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia di rantau Asia Tenggara dan kedua menyemarakkan proses globalisasi bahasa Melayu melalui agenda perluasan ke peringkat antarabangsa dalam konteks hubungan Malaysia dengan dunia luar dalam alaf depan.

Berhubung pendidikan bertaraf dunia, kita boleh menaruh harapan sokongan China dari segi pengaliran pelajarinya memasuki institusi pendidikan negara ini, terutama ditubuhkan melalui konsep penswastan di negara ini. Kini ramai pelajar China yang mendapatkan pendidikan luar negara memilih universiti seperti Amerika Syarikat, Britain, Australia selain Jepun atau Korea Selatan.

Najib memberi jaminan kepada Menteri Suruhanjaya Pendidikan China itu mengenai kualiti tinggi ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi di Malaysia di samping kos lebih rendah berbanding negara maju lain. Jaminan mengenai kualiti diperkuatkan dengan akta yang diluluskan oleh Parlimen dengan penubuhan Lembaga Akreditasi Negara bagi memantau mutu pendidikan yang dilaksanakan di universiti awam dan swasta beroperasi atau ditubuhkan di Malaysia.

Beberapa pengurus kolej swasta Malaysia yang bersama menyertai delegasi Malaysia menyatakan mereka menawarkan kadar yuran hampir separuh lebih

rendah berbanding kos dikenakan oleh universiti di Amerika Syarikat dan Britain. Semua kolej swasta terbabit mengadakan program berkembar dengan universiti di Britain, Amerika Syarikat, Australia dan Britain. Oleh itu mereka optimis Malaysia akan menjadi pengkalan baru pelajar China mendapatkan pendidikan seberang laut.

Bagaimanapun adalah terlalu awal untuk mengharap perubahan mendadak dalam dasar penghantaran pelajar China belajar ke negara luar, terutama dalam memecah ikatan tradisional yang dilaksanakan sekian lama. Ada banyak persoalan yang harus ditangani seperti penyerahan semula Hong Kong ke China yang memungkinkan mereka menjuruskan pelajar melalui bekas tanah jajahan itu melalui segala kemudahan yang wujud di pulau itu. Di samping itu China sendiri mempunyai banyak pusat pengajian tinggi iaitu berjumlah 1,032 universiti dengan pelajar lebih tiga juta. Pendidikan dari peringkat rendah hingga universiti di negara itu adalah secara percuma. Hampir semua pelajar dan pensyarah tinggal di kampus tempat mereka belajar. Mengikut Prof Kong Yuanzhi dari Universiti Beijing, hanya kebelakangan ini universiti di negara itu mengenakan yuran sekitar RM300 setahun kepada pelajarnya. Oleh itu konsep pendidikan swasta adalah amat asing kepada kebanyakan rakyat negara itu.

Oleh kerana aliran pendidikan di negara ini menggunakan bahasa Inggeris bagi pelajar antarabangsa, pelajar terlebih dulu perlu menguasai bahasa itu sebelum diterima belajar di negara ini. Malah menurut Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Aziz Deraman yang bersama-sama menyertai delegasi itu, pelajar asing juga perlu menguasai bahasa Melayu pada taraf tertentu sejajar dengan dasar pendidikan kebangsaan. Perkara ini mungkin mengurangkan tarikan pelajar China untuk ke Malaysia.

Namun beberapa kolej swasta, terutama Inti Kolej bergerak secara proaktif dalam usaha mereka melamar dan menarik pelajar China ke Malaysia. Misalnya, pihak pengurusan kolej itu mengambil kesempatan mengadakan perbincangan dengan beberapa universiti termasuk menandatangani memorandum persefahaman dengan Universiti Tsinghua, sebuah universiti ternama di China. Selain itu sebuah badan ditubuhkan oleh sekumpulan ahli perniagaan dan pendidikan di China dikenali sebagai Kolej Pengurusan Inti Beijing bertujuan mengurus dan menyelaras kemasukan pelajar ke Kolej Inti di Malaysia. Ia juga menandatangani MOU dengan Kolej Inti pada hari yang sama.

Fasal 3 MPKB adalah penting kerana menggariskan intipati perkara yang akan dilaksanakan. Antaranya termasuk cadangan pertukaran kakitangan akademik, guru dan penuntut; saling membantu dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional; menyediakan skim biasiswa untuk pendidikan tinggi di institusi pendidikan tinggi yang diiktiraf dan memperbanyakkan program berkembar dengan institusi pendidikan cemerlang yang berfaedah kepada kedua-dua pihak.

Bercakap kepada pemberita Malaysia di Beijing, Najib memberitahu, persefahaman yang ditandatangani tidak membuat sebarang keputusan mengenai pengiktirafan universiti di China oleh kerajaan Malaysia dan sebaliknya.

Pengiktirafan mana-mana universiti di China perlu ditangani dengan bijaksana. Jika ditinjau dari segi pendidikan, mungkin langkah itu wajar terutama dilihat dari segi pendidikan selepas ijazah pertama dan penyelidikan yang diberi prioriti oleh banyak universiti. Universiti Tsinghua umpamanya mempunyai kira-kira 5,000 pelajar peringkat sarjana dan 1,600 pelajar peringkat kedoktoran daripada keseluruhan 16,000 pelajar.

Dalam aspek lain, pengiktirafan memungkinkan wujud ketidakseimbangan nisbah pelajar China ke Malaysia dan Malaysia ke China dengan kemungkinan memihak kepada China. Keadaan ini menyebabkan matlamat kita untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia Timur Jauh sukar mencapai matlamatnya.

Kita berharap, kedua-dua pihak akan melaksanakan semua yang termeterai dalam perjanjian itu dengan semangat setiakawan yang jujur dan ikhlas bagi kepentingan kedua-dua pihak. Demikian juga dari segi misi kedua kunjungan itu, iaitu yang berkaitan pengembangan bahasa.

Kerajaan China bersetuju membantu Malaysia mengembangkan pengajian bahasa Mandarin yang berpusat di ITM manakala Malaysia bersetuju membantu mengembangkan bahasa Melayu. Berbeza dengan bahasa Melayu, bahasa Mandarin sememangnya digunakan dan diajar di Malaysia terutama di kalangan rakyat Malaysia berketurunan China. Malah pendidikan peringkat rendah menyediakan aliran bahasa Mandarin bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Oleh itu ia tidak mempunyai sebarang masalah. Walaupun tidak dinyatakan, kita beranggapan kerjasama yang dimaksudkan lebih ditujukan di kalangan orang Melayu, sejajar dengan dasar kerajaan yang menggalakkan rakyat menguasai tiga bahasa selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Didasarkan kepada penggunaan bahasa Melayu dan Mandarin sepenuhnya dalam semua upacara rasmi diadakan, kecuali upacara menandatangani memorandum oleh Kolej Inti yang menggunakan bahasa Inggeris dan Mandarin, setidak-tidaknya kita boleh berbangga mengenai permulaan perantarabangsaan bahasa Melayu. Mereka yang mengikuti delegasi Malaysia terpegun dengan kefasihan masyarakat Cina negara itu yang belajar bahasa Melayu dapat menggunakannya dengan baik terutama apabila berucap atau menterjemah ucapan daripada bahasa Mandarin ke bahasa Melayu apatah lagi sebahagian daripada mereka masih belajar di BFSU atau Universiti Beijing.

Tidak dinafikan, di China pengajaran sesuatu bahasa asing dilaksanakan secara serius dan bersungguh-sungguh. Dalam kes bahasa Melayu, ia amat beruntung kerana mendapat sokongan daripada kerajaan Malaysia terutama melalui Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sempena lawatan itu empat program bahasa Melayu disempurnakan iaitu dua perjanjian kerjasama; memorandum persefahaman dengan Universiti Beijing dan Radio China Antarabangsa (CRI), pelancaran Pusat Bahasa Melayu (PBM) di BFSU yang berfungsi menyelaras pendidikan bahasa Melayu di China dan pelancaran Sudut Bahasa Melayu (SBM) di sebuah kelab bertujuan mendedahkan pengajaran bahasa Melayu di kalangan anak pedagang Malaysia di China.

Sokongan kedua-dua kerajaan terhadap pengembangan bahasa Melayu memberi harapan cerah terhadap perkembangan bahasa itu di China. Jika pihak swasta yang berpeluang mewujudkan hubungan dagang dengan negara itu turut serta dalam usaha ini, kita percaya bahasa Melayu akan diterima oleh sekumpulan rakyat di negara itu. Harapannya ada apabila di majlis makan malam sempena pelancaran SBM, sebuah syarikat Malaysia yang beroperasi di Beijing menyampaikan derma RM100,000 kepada BPM yang disampaikan kepada Canselor BFSU, Prof Chen Nainfang dan Pengarahnya Prof Wu Zong Wu.

Syarikat besar yang beroperasi di China hendaklah memberi peluang kepada pelajar yang tamat pengajian bahasa Melayu diambil bekerja di syarikat mereka.

Dengan cara itu graduan bukan saja mendapat peluang pekerjaan malah memahirkan penguasaan bahasa Melayu.

"Hanya dengan sokongan berterusan, bukan bermusim dari sektor swasta akan menjadikan program perantarabangsaan bahasa Melayu berkesan," kata Aziz.

(END)